



## Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: [www.akademiarbaru.com/arsbs.html](http://www.akademiarbaru.com/arsbs.html)

ISSN: 2462-1951



# Bimbingan Islam dan Pembangunan Insan: Satu Kajian dalam Kalangan Banduanita Muslim di Penjara Wanita Kajang

## *Islamic Guidance and Human Development: A Study in Muslim Prisoners in Kajang Women's Prison*

Open

Siti Marpuah<sup>1,\*</sup>, Syarifah Normawati<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Department of Islamic Studies, Centre for General Studies and Co-curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia

<sup>2</sup> Sekolah Tinggi Agama Islam Ibnu Sina, Batam Indonesia, Indonesia

### ARTICLE INFO

### ABSTRACT

#### **Article history:**

Received 28 February 2019

Received in revised form 1 April 2019

Accepted 13 June 2019

Available online 23 December 2019

Bimbingan Islam merupakan asas penting dalam pembentukan peribadi manusia, kerana itulah Islam memberikan perhatian yang besar terhadap semua bidang khususnya bimbingan kerohanian. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimakah pelaksanaan bimbingan Islam di penjara serta sejahteranakah bimbingan Islam ini dapat memberikan kesan yang positif dalam pembangunan insan terutama jatidiri banduanita. Kajian ini merupakan satu kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah temubual yang disokong dengan kaedah pemerhatian dan pengumpulan dokumen untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai permasalahan kajian. Kajian ini melibatkan 8 orang peserta kajian akan ditemui bual. Hasil kajian menunjukkan bahawa bimbingan pendidikan Islam di penjara ini dilaksanakan setiap hari dengan subjek yang berbeza-beza serta ditadbir oleh beberapa ustazah daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) lainnya. Selain itu juga bimbingan pendidikan Islam ini banyak memberikan kesan positif dalam membangunkan jatidiri banduanita terutama dalam keimanan mereka. Selain itu juga melalui bimbingan Islam ini mereka dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan ajaran Islam.

*Islamic guidance is fundamental to the formation of human personalities, which is why Islam places great importance on all areas, especially spiritual guidance. This study aims to see how the implementation of Islamic guidance in prison and how well Islamic guidance can have a positive impact on human development, especially inmates. This study is a case study using a qualitative approach. The researcher used the interview method supported by the method of observation and document collection to obtain detailed information on the research problem. This study involved 8 study participants interviewed. The results of this study show that Islamic education in prison is practiced daily with different subjects and administered by several scholars from the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), the Faculty of Islamic Studies of the National University of Malaysia (UKM) and several non-governmental organizations (NGOs) other. In addition, the guidance of this Islamic education has had a positive impact on the development of the religious identity of the believers especially in their faith. In*

\* Corresponding author.

E-mail address: marpuah@uthm.edu.my (Siti Marpuah)

*addition, through Islamic guidance they can increase their knowledge of Islamic teachings.*

**Keywords:**

Bimbingan Islam; Pembangunan Insan ;  
Banduanita

*Islamic guidance; Human development ;  
Prisoners*

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

## 1. Pengenalan

Manusia sebagai makhluk lemah tidak terlepas daripada berbuat kesalahan, oleh itu bukanlah sesuatu yang luar biasa apabila segolongan wanita turut terlibat dalam melakukan kesalahan menyalahi undang-undang. Meskipun kadang masyarakat menganggapnya itu adalah sesuatu perkara janggal, namun hakikatnya benar-benar terjadi.

Di Malaysia hukuman penjara merupakan salah satu hukuman yang perlu dilalui oleh segolongan wanita dan disabitkan dengan kesalahan undang-undang. Penjara bukan sahaja sebagai tempat menjalani hukuman, malah merupakan satu tempat pemulihan kepada penghuninya (banduan). Untuk itu pelbagai pendekatan telah dilakukan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM) sebagai institusi kerajaan bertanggungjawab secara khusus dalam pemulihan banduan untuk membantu mereka dalam membina kembali diri peribadi mereka supaya dapat berperanan semula dalam keluarga maupun masyarakat. Sehingga mereka dapat menjadi insan yang berguna dimana sahaja berada.

Salah satu pendekatan telah dijalankan pihak JPM adalah melalui bimbingan Islam, ini memandangkan majoriti banduanita di Penjara Kajang adalah beragama Islam. Mengikut statistik JPM 2013 jumlah keseluruhan banduanita sabitan adalah seramai 1682 orang, 1301 orang daripadanya adalah beragama Islam, selebihnya 131 orang beragama Hindu, 151 orang beragama Budha, 77 orang beragama Kristian dan 22 orang lain-lain agama. Melalui pendekatan ini diharapkan mampu memberikan kesan positif terhadap semua banduanita terutama yang beragama Islam.

## 2. Objectif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimakah pelaksanaan bimbingan Islam di penjara serta sejauhmanakah bimbingan Islam ini dapat memberikan kesan positif dalam pembangunan insan terutama para banduanita.

## 3. Metodologi

Kajian ini merupakan satu kajian kes menggunakan pendekatan kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah temubual dan disokong dengan kaedah pemerhatian serta pengumpulan dokumen untuk mendapatkan maklumat mengenai permasalahan kajian. Kajian ini melibatkan 8 orang peserta kajian terdiri daripada 2 orang ustazah pengajar Islam serta enam orang banduanita yang aktif mengikuti kelas bimbingan Islam.

Analisis data dilakukan dengan menggunakan 'field notes' melalui analisis dokumen, borang pemerhatian dan temubual secara mendalam. Analisis data kualitatif mengandungi 3 aliran aktiviti yang berjalan serentak iaitu melalui komponen analisis data sebagai satu model aliran (Flow Model) yang mengandungi : Data Collection Period (Waktu kutipan data), Data Reduction (penyaringan data), Conclusion Drawing/ Verification (Kesimpulan/ Verifikasi).

#### 4. Analisis Dapatan Kajian

Bahagian berikut merupakan analisis dapatan kajian merangkumi: pelaksanaan bimbingan Islam dalam membangunkan peribadi seorang muslim yang meliputi jadual pelaksanaan serta kurikulum yang dijadikan sebagai dasar pengajaran dan pembelajaran di penjara, selain itu juga analisis dapatan kajian berkaitan dengan kesan pelaksanaan bimbingan Islam dalam pembangunan insan.

##### A. Pelaksanaan Bimbingan Islam di Penjara Wanita Kajang

Pelaksanaan Bimbingan Islam di Penjara Wanita Kajang mempunyai peranan penting iaitu membangunkan jiwa dan semangat para banduanita muslim dalam menghadapi segala cabaran hidup mereka. Melalui bimbingan Islam ini diharapkan dapat memberikan dan menambahkan ilmu pengetahuan kepada para banduanita utamanya pengetahuan berkaitan dengan ajaran Islam yang dapat menjadi bekal kelak apabila mereka telah keluar daripada penjara.

Untuk mengisi masa luang dan memberikan bekal keagamaan yang berguna bagi mereka maka, pihak penjara telah banyak membuat aktiviti latihan serta pemulihan kepada para banduanita, ini kerana pemulihan merupakan matlamat dan objektif utama jabatan dalam usaha mengubah sikap banduanita itu supaya dapat kembali menjadi insan dan masyarakat berguna, berwawasan serta berakhhlak mulia apabila bebas kelak. Oleh kerana itulah bimbingan Islam ini dijadikan sebagai aktiviti wajib yang harus diikuti oleh semua banduanita beragama Islam, hal ini menginggat bahawa agama merupakan asas kepada pembentukan jiwa dan peribadi setiap insan. Maka pihak Penjara Wanita telah mengadakan pelbagai program bercorak keagamaan untuk melahirkan jiwa bersih, pemberian akidah sempurna serta dapat memperbaiki tingkah laku terpuji.

###### i. Kurikulum bimbingan Islam di penjara

Untuk melaksanakan sesuatu aktiviti, maka sebuah institusi hendaklah membuat pedoman atau panduan yang dijadikan sebagai garis asas kepada pengetahuan yang disampaikan. Pendidikan dianggap baik dan bermutu merupakan hasil daripada perancangan kurikulum yang baik dan bermutu. Penjara sebagai sebuah institusi pemulihan telah menyusun kurikulum Bimbingan Islam untuk banduanita muslim dalam usaha memantapkan iman dan ketauhidannya serta menambahkan ilmu pengetahuan Islam supaya berguna bagi mereka.

Kurikulum merupakan salah satu instrumen penting dari suatu institusi pendidikan. Kurikulum menjadi pengantar bahan matapelajaran yang efektif dan effisien dalam menyampaikan misi utama pengajaran iaitu mempersiapkan seseorang untuk menjadi orang baik serta berguna bagi diri sendiri mahupun masyarakat.

Pembinaan kurikulum Bimbingan Islam untuk banduanita ini sememangnya tidaklah bertentangan dengan Falsafah Pendidikan Islam. Falsafah merupakan suatu sistem kepercayaan, pegangan dan prinsip am dijadikan sebagai landasan dalam melaksanakan segala sesuatu. Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka [5], falsafah ialah pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu tertinggi atau sebagai dasar kepada ilmu-ilmu lainnya.

Mengikut Buku Panduan Bimbingan Islam untuk Banduan, matlamat dan objektif utama pembinaan kurikulum Bimbingan Islam di Penjara Wanita Kajang adalah

- Untuk memberi kesedaran kepada banduanita Islam tentang pentingnya pegangan agama dalam menjalani kehidupan.
- Untuk memberikan input asas-asas keagamaan khususnya merangkumi fardhu 'ain, disamping itu juga untuk memantapkan pegangan akidah Islamiyah.

- Memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada para banduanita muslim supaya dapat mentakbiqkan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari.
- Memastikan banduanita muslim kembali ke pangkal jalan yang benar serta melaksanakan ajaran Islam dengan sempurna

Kurikulum bimbingan Islam untuk banduanita ini mengandungi pelajaran-pelajaran Aqidah (Tauhid), Fiqh, Tilawah, pengajian Tafsir, Pengajian Hadis, Sirah, Akhlak, Syariah, dan Kesejahteraan Insan. Secara umumnya Bimbingan Pendidikan Islam ini lebih menumpukan kepada pengajaran:

- Aqidah : ialah satu bidang agama yang mempersoalkan bagaimana manusia mahu mengenal tuhan dan agama sebenarnya. Dengan adanya aqidah, manusia juga dapat mengetahui segala rahsia, tujuan dan kesudahan hidup dunia fana ini, dan juga mengetahui hakikat alam ghaib, seperti soal-soal ketuhanan, malaikat, syurga, neraka, hari kiamat, jin, syaitan dan sebagainya.
- Syariah : ialah bidang agama yang mengandungi persoalan-persoalan, peraturan-peraturan atau sistem-sistem seperti sistem politik, sosial, moral dan ekonomi, ianya juga mengandungi hukum-hukum dan undang-undang yang dapat menjamin kesejahteraan dan keamanan masyarakat manusia, sama ada yang bersangkutan dengan hubungan manusia dengan manusia seperti undang-undang nikah kahwin, urusan harta benda, jenayah, dadah, jihad dan sebagainya. Serta undang-undang yang bersangkutan dengan soal-soal hubungan manusia dengan tuhan, seperti cara-cara beribadah, solat, puasa, zakat dan sebagainya.
- Akhlak : ialah bidang kerohanian yang mempersoalkan kesucian, kebersihan dan kekotoran hati nurani, dapat melahirkan nilai-nilai dan sifat-sifat yang telah sebatasi pada diri manusia serta dapat dilihat dalam tingkah laku dan budi pekertinya. Sama ada sifat-sifat terpuji seperti sifat amanah, sabar, jujur dan sebagainya, atau sifat-sifat keji seperti sifat dengki khianat, pembohong dan sebagainya.

### *ii. Jadual bimbingan Islam di penjara*

Jadual di bawah ini menunjukkan tajuk-tajuk keseluruhan daripada kurikulum Bimbingan Islam yang selama ini dijadikan panduan bagi guru-guru pengajar Banduanita Muslim di Penjara Wanita Kajang.

**Jadual 1**

Bimbingan Islam untuk Banduanita di Penjara Wanita Kajang

TAJUK	KANDUNGAN	AKTIVITI
1. Aqidah dan Tauhid	<p><u>Pengenalan Tauhid dan Aqidah</u></p> <p>a. Pengertian tauhid dan Aqidah.</p> <p>b. Makna Iman, Islam dan Ikhsan.</p> <p>c. Cara memantapkan iman.</p> <p><u>Rukun Iman dan Islam</u></p> <p>a. Menerangkan 6 rukun Iman.</p> <p>b. Menerangkan 5 rukun Islam.</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sumbangsan berkaitan dengan isu-isu iman.</li><li>• Cerita teladan orang yang kuat/lemah imannya.</li></ul> <ul style="list-style-type: none"><li>- Menghafal rukun Islam dan juga rukun Iman.</li><li>- Nasyid al-Asmaul al-Husna.</li></ul>

	<p>c. Sifat-sifat wajib dan mustahil bagi Allah</p> <p><u>Hubungan Aqidah dan Ibadah</u></p> <p>a. Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah.</p> <p>b. Peranan iman dalam kehidupan.</p> <p><u>Penyelewengan Aqidah dan ajaran sesat.</u></p> <p>a. Menolak kepercayaan tidak bertuhan (atheis).</p> <p>b. Pengertian ajaran sesat</p> <p>c. Menerangkan cara menghindarkan diri daripada ajaran sesat.</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Senarai semak sifat-sifat yang terpuji dan buruk mengikut Islam.</li><li>- Nasyid rukun Iman dan rukun Islam.</li><li>- Bercerita tentang ajaran sesat yang mereka ketahui.</li><li>- Sumbangsaran.</li></ul>
--	--	---

2. Pengajaran Feqah	<p><u>Kemahiran ibadat asas</u></p> <p>a. Menerangkan cara bersuci (Thaharah).</p> <p>b. Jenis-jenis air.</p> <p>c. Najis dan istinjak</p> <p>d. Wuduk dan masalah</p> <p>e. Mandi wajib dan sunat.</p> <p>f. Darah-darah haid, Nifas, istikhadah.</p> <p>g. Tayamum.</p> <p><u>Pengenalan rukun Islam</u></p> <p>a. Menerangkan 5 rukun Islam</p> <p>b. Menerangkan Sholat waktu, syarat, rukun dan cara pelaksanaan.</p> <p>c. Sujud Syahwi, Tilawah, Syukur.</p> <p>d. Sunat Haiah dan Ab'ad.</p> <p><u>Pengenalan Muammalat</u></p> <p>a. Menjelaskan pengertian muammalat.</p> <p>b. Kerukunan hidup, saling bantu-membantu</p> <p>c. Jual beli</p> <p>d. Riba</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Praktik wuduk dan tayamum.</li><li>• Sumbangsaran mengenai perkara-perkara wajib dalam bersuci.</li><li>- Menghafal niat sholat serta bacaan-bacaan wajib.</li><li>- Praktik solat</li><li>- Praktik sujud syahwi serta doanya.</li><li>- Nasyid rukun Islam.</li><li>• Sentiasa menghormati hak-hak orang lain.</li><li>• Saling tolong menolong sesama dalam kehidupan sehari-hari.</li></ul>
---------------------	---	---

3. Pengajian Tilawah (al-Quran dan Iqra' atau Qiraati).	<p><u>Kekeluargaan dan Kemasyarakatan dalam Islam.</u></p> <p>a. Konsep keluarga sholeh b. Tanggungjawab suami isteri. c. Tanggungjawab ibu &amp; bapa terhadap anaknya. d. Tanggungjawab individu dalam masyarakat.</p> <p><u>Pengenalan hukum jenayah</u></p> <p>a. Pengertian Jenayah dan pembahagiannya. b. Kewajiban memelihara agama, diri, akal, keluarga dan harta. c. Kesan pengabaian memelihara agama, diri, akal, keluarga dan harta.</p> <p><u>Tilawah</u></p> <p>a. Mengenal Huruf-huruf Hijaiyyah, mahraj dan barisnya. b. Mengeja dan membaca ayat-ayat potongan c. Membaca al-Fatihah dan ayat-ayat lazim.</p> <p><u>Fadilat menghayati al-Quran</u></p> <p>a. Boleh membaca al-Quran. b. Memahami ayat al-Quran c. Menghafaz ayat-ayat pendek. d. Asas tajwid. e. Mengamalkan ajaran dalam al-Quran.</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Mengambil kesempatan untuk menerima kunjungan keluarga.</li><li>- Sumbang saran mengenai keluarga bahagia.</li></ul> <ul style="list-style-type: none"><li>• Menyenaraikan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam sehari.</li><li>• Beristigfar atas kesalahan.</li><li>• Mengadakan Qiyamul Lail, majlis zikir dan munajat untuk membersihkan jiwa.</li></ul> <ul style="list-style-type: none"><li>• Boleh menghafaz huruf Hijaiyyah.</li><li>• Boleh membaca Iqra atau al-Quran</li><li>• Menghafaz al-fatihah dan ayat-ayat lazim.</li></ul> <ul style="list-style-type: none"><li>- Qiraati 1 dan 2 atau Iqra 1 hingga 6.</li><li>- Bagi peringkat menengah al-Quran.</li><li>- Boleh membaca al-Quran dengan baik.</li></ul>
4. Tafsir al-Quran	<p><u>Tafsiran al-Fatihah</u></p> <p>a. Menafsirkan ayat-ayat dalam surah al-Fatihah satu persatu. b. Tafsiran ayat-ayat empat Qul, an-Nass, al-Falaq, al-Ikhlas, al-Maun. c. Menafsirkan ayat Kursi</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Latih tubi menghafal erti setiap ayat-ayat surah al-fatihah.</li><li>• Menghafal erti surah empat Qul.</li><li>• Larangan merosak harta benda.</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>d. Tafsiran Tazkirah :             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memelihara diri daripada kebinasaan (al-Baqarah: 195)</li> <li>- Tazkirah kepada orang yang lalai.(al-A'raf 179).</li> </ul> </li> <li>f. Ayat-ayat yang berkaitan dengan Syariah.(al-Maidah 35)</li> <li>g. Ayat-ayat yang berkaitan dengan zina dan hukuman (an-Nur : 2)</li> <li>h. Ayat-ayat tentang hukum minum arak dan berjudi (al-Maidah 91).</li> <li>i. Tafsiran ayat berkaitan dengan aqidah dan larangan syirik (an-Nisa 48).</li> <li>j. Ayat berkaitan dengan akhlak:             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ayat berkaitan dengan sifat orang mukmin (an-Anfal 2).</li> <li>- Ayat berkaitan taubat (an-Nisa' 17).</li> <li>- Ayat berkaitan Sabar (al-Lukman : 17)</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbincangan hukuman yang yang mencuri.</li> <li>- Larangan berbuat zina</li> <li>- Berbincang mengenai akibat minuman keras.</li> <li>- Perbincangan perkara-perkara yang menyebabkan syirik.</li> </ul>
5. Pengajian Hadist	<u>Hadist-hadiat pilihan (hadist 40)</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Hadist yang berkaitan dengan tingkahlaku banduan antaranya adalah :</li> <li>- Kepentingan niat.</li> <li>- Kefahaman dalam agama</li> <li>- Bersyukur kepada Allah.</li> <li>- Hidup bermasyarakat/tolong menolong.</li> <li>- Hidup bersaudara dan berbuat baik</li> <li>- Kasihkan saudara seperti kasihkan diri sendiri.</li> <li>- Dosa-dosa besar.</li> <li>- Halal dan haram</li> <li>- Mencegah kemungkaran.</li> <li>- Memilih sahabat.</li> <li>- Balasan didunia sebagai kafarah .</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bercerita tentang akibat buruk apabila berbuat dosa.</li> <li>- Mengamalkan sifat tolong menolong antar sesama banduan.</li> </ul>
6. Pengajian Akhlak	<u>Sifat-sifat Mahmudah</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Taat</li> <li>b. Bertanggungjawab</li> <li>c. Sabar</li> <li>d. Tolong menolong</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengamalkan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan sehari-hari.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>e. Timbang rasa</li> <li>f. Tabah hati</li> <li>g. Sopan santun.</li> <li>h. Taubat</li> <li>i. Khauf.</li> <li>j. Raja'</li> </ul> <p><b><u>Sifat-sifat Mazmumah(keji)</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Hasad</li> <li>b. Dengki</li> <li>c. Mengumpat</li> <li>d. Pertengkar</li> <li>e. Menghasud</li> <li>f. Takabur</li> <li>g. Tamak.</li> </ul> <p><b><u>Adab pergaulan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Konsep pergaulan dalam Islam.</li> <li>b. Batas dan tatacara dalam pergaulan.</li> <li>c. Akibat tidak beradab dalam pergaulan</li> </ul> <p><b><u>Prinsip-prinsip am</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Persamaan</li> <li>b. Kebebasan</li> <li>c. Persaudaraan</li> <li>d. Keadilan</li> <li>e. Kebenaran</li> <li>f. Menjaga dan mempertahankan kehormatan diri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjauhkan diri daripada sifat-sifat yang keji .</li> <li>• Bercerita akibat bersifat yang keji.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengamalkan tatacara dalam pergaulan sesama banduan.</li> <li>- Muhasabah diri.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang tentang prinsip-prinsip am.</li> </ul>
7. Pengajian Sirah	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kehidupan orang-orang Arab di zaman Jahiliah.</li> <li>b. Pengenalan sirah (nabi Muhammad saw)</li> <li>c. Kehidupan awal Rasulullah.</li> <li>d. Kerasulan Nabi Muhammad saw.</li> <li>e. Isra' dan Mi'raj</li> <li>f. Dakwah Islamiyah</li> <li>g. Kota Makkah dan Madinah.</li> <li>h. Merintis jalan hijrah ke Madinah</li> <li>i. Kewafatan Baginda rasulullah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Marhaban dan berzanji</li> <li>- Perbincangan tentang akhlak nabi Muhammad saw.</li> <li>- Nasyid</li> <li>- Mendengar ceramah</li> <li>- Bersholawat ke atas nabi Muhammad saw.</li> <li>- Berzikir</li> </ul>
8. Kesejahteraan Insan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pengenalan stress</li> <li>b. Punca stress</li> <li>c. Cara menangani stress.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Senaman ringan</li> <li>- Pengukuran stress</li> <li>- Aktiviti kelompok</li> </ul>

Sumber: Buku Panduan Bimbingan Islam Untuk Banduanita di Penjara Wanita Kajang

Tajuk-tajuk di atas merupakan tajuk-tajuk Bimbingan Islam yang selama ini dijadikan panduan bagi para guru pengajar banduanita Muslim di Penjara Wanita Kajang. Sememangnya tajuk-tajuk ini tidaklah menyimpang daripada tujuan dan matlamat utama agama Islam, ini kerana setiap tajuk yang diajarkan mempunyai matlamat dan objektif sesuai dengan garis panduan dalam Islam.

Bimbingan Islam di penjara untuk banduanita muslim ini dilaksanakan setiap hari bermula dari Hari Isnin sehingga Hari Sabtu, Masa pelaksanaannya dari pukul 9.30 pagi hingga pukul 4.15 petang. Para guru telah menyusun dan mengatur jadual pelaksanaan Bimbingan Islam ini dengan bantuan pihak pentadbir penjara supaya para banduanita juga dapat mengikuti kelas kemahiran yang lain. Selain mendapat bekal ilmu pengetahuan, mereka juga harus didedahkan dengan kemahiran lain seperti bengkel jahit, bengkel dobi, bengkel salun, batik dan juga kraf tangan. Kemahiran ini boleh membantu dan menjana kehidupan para banduanita apabila keluar daripada penjara.

### **Jadual 2**

#### Kekerapan pelaksanaan bimbingan Islam

HARI	9.30 – 10.30	10.30 – 11.30	12.00 – 1.00	2.30 – 4.15
ISNIN	Kelas Tafsir dan al-Quran (Remand)	Tauhid (Remand)	Feqah (Remand)	Pengislahan
SELASA	Kelas Tafsir dan al-Quran (Sabitan/B.akhir)	Tauhid Orientasi Blok B	Feqah Orientasi Blok B	Pengislahan
RABU	Kelas Tafsir dan al-Quran (Remand)	Akhlik (Remand)	Hadist/sirah (Remand)	Pengislahan
KHAMIS	Kelas Tafsir dan al-Quran (Sabitan/ B. Akhir)	Ceramah Agama (Hadist/Sirah Akhlak) Blok B	Ceramah Agama	Terapi TC
JUMAAT PROGRAM BIMBINGAN UKM (Kesejahteraan Insan)		-	Artikel	
SABTU	Tazkirah untuk O/B	-	Terapi Agama TC	-

Sumber : Bahagian Bimbingan Islam

Asmaul Husna dan Zikir Munajat di baca setiap hari permulaan kelas, Zikir Mathurat dibaca setiap hari Isnin dan Khamis, bacaan Yaasin dan tahlil setiap Jumaat. Jadual-jadual ini telah disusun sedemikian bagi memudahkan pihak guru untuk mempersiapkan bahan-bahan pengajaran yang disampaikan kepada para banduanita, selain itu para banduanita juga dapat mempersiapkan soalan-soalan yang akan mereka tanyakan terutamanya soalan berkaitan dengan masalah keagamaan dan juga pergaular dalam kehidupan seharian.

Dalam usaha menambahkan ilmu pengetahuan dan memantapkan keyakinan, disamping mengikuti kelas Bimbingan Islam yang telah ditentukan masanya, para Banduanita Muslim juga diberi kesempatan untuk mengikuti aktiviti-aktiviti tambahan lain bersifat keagamaan. Untuk

melaksanakan program ini, maka pihak penjara dengan bantuan Unit Bimbingan Agama mengadakan pelbagai aktiviti tambahan seperti ceramah agama, motivasi agama, tadarus, pertandingan tilawah al-Quran dan sebagainya. Setiap Bulan Ramadhan Unit Agama Penjara Wanita juga mengadakan aktiviti Shalat Tarawih berjamaah serta tadarus al-Quran, aktiviti ini dilaksanakan di Surau Penjara Wanita Kajang.

Menurut Suhaizam [6], pelaksanaan aktiviti tambahan ini bertujuan untuk memotivasi semangat para banduan supaya mereka merasa gembira dan tenang fikirannya selama berada di dalam penjara. Pemberian motivasi bagi banduan terutama daripada pakar-pakar motivasi penting bagi mereka, kerana ini memberikan pengaruh positif terhadap ketenangan batin dan jiwa mereka. Serta dapat lebih mengaktifkan mereka mengikuti kegiatan Bimbingan Islam.

#### B. Kesan pelaksanaan Bimbingan Islam dalam pembangunan insan terutama banduanita

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden mempunyai tanggapan positif terhadap pelaksanaan Bimbingan Islam di penjara. Menurut mereka dengan aktif mengikuti kelas Bimbingan Islam, mereka banyak mendapatkan ilmu pengetahuan agama terutamanya yang berkaitan dengan shalat, puasa, sirah nabi, thaharah dan lain-lainnya. Menurutnya kesan daripada pengajaran Bimbingan Islam dapat membentuk akhlak dan peribadi mulia dan baik serta dapat melahirkan kehidupan yang tenang dan harmoni. Yang paling penting adalah keimanan mereka semakin bertambah, ada hikmah disebalik terali besi. Natijah daripada penghayatan Islam ini akan dinilai ke atas setiap aktiviti kehidupan muslim sebagai ibadah. Keadaan ini bersesuaian dengan firman Allah dalam Surah al-Dhariyat 51 : 56 yang bermaksud :

*"Tidak aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadat kepadaKu".*

Hasil kajian juga mendapati bahawa banduanita muslim yang sentiasa aktif mengikuti kegiatan Bimbingan Islam kelihatan lebih tenang dan sabar dalam menghadapi segala cabaran berbanding dengan banduanita yang tidak mengikuti kegiatan ini, sememangnya kesabaran amat diperlukan dalam keadaan seperti ini. Menurut Jawiah Dakir [4] menjelaskan bahawa sebagai seorang muslim kita harus banyak bersabar dalam menghadapi segala macam halangan dan rintangan. Sifat sabar ini dapat diperoleh dengan cara membiasakan jiwa kita mengusahakan segala macam kebaikan yang keuntungannya dapat dirasakan baik oleh diri sendiri mahupun masyarakat. Kita harus membiasakan untuk menghindarkan diri kita daripada perbuatan buruk dan akhlak rendah serta budi pekerti hina serta berusaha untuk menghiasi diri kita dengan sifat-sifat terpuji dan memperindah jiwa dengan sifat baik sesuai dengan ajaran Islam.

Menurut Yusof al-Qardawi [8] mengatakan bahawa bimbingan Islam sebagai pendidikan akal dan hati, rohani dan jasmani serta akhlak dan tingkahlaku. Bimbingan Islam adalah sesuai untuk semua peringkat umur tak kira kanak-kanak mahupun orang dewasa, bahkan para banduanita pun sememangnya amat sesuai untuk diberikan pengajaran mengenai bimbingan Islam. Melalui bimbingan Islam manusia dapat hidup dalam keadaan baik masa senang dan susah serta dapat menghadapi masyarakat dalam pelbagai situasi. Apatah lagi bagi para banduanita mereka banyak mengalami tekanan hidup bahkan terbelenggu oleh kesusahan yang dapat menyebabkannya putus asa bahkan bunuh diri, kecuali apabila mereka dibekalkan dengan ilmu pengetahuan agama yang kuat kerana dapat memantapkan keimanan dan keyakinan mereka.

Hasil dari dapatan temubual ini menggambarkan bahawa majoriti responden mempunyai tanggapan positif terhadap pelaksanaan Bimbingan Islam yang dianjurkan oleh pihak penjara. Mereka bersyukur bahawa meskipun berada di penjara masih diberi kesempatan untuk menuntut

ilmu pengetahuan agama yang amat bermanfaat bagi keberlangsungan hidupnya. Bimbingan Islam telah diajarkan kepada mereka dengan tujuan membentuk akhlak luhur yang akan menentukan kejayaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Abdul Halim El-Muhammady [1] mentakrifkan bimbingan Islam sebagai proses mendidik dan melatih akal, jasmani dan rohani manusia dengan berdasarkan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah untuk melahirkan manusia bertaqwa dan dapat mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian di atas pengkaji memberi satu kesimpulan bahawa pelaksanaan bimbingan Islam bagi banduanita merangkumi pengajaran yang berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak. Selain itu juga banyak aktiviti berunsur keislaman juga dikenalkan kepada mereka.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa Bimbingan Islam banyak memberikan kesan positif terhadap pembangunan insan terutamanya perubahan sikap dan tingkahlaku, terutamanya yang penting adalah kesan dalam meningkatkan keimanan dan ketakwaan dalam kalangan banduanita. Ini sesuai dengan pendapat Tajul Ariffin Nordin [7], bahawa matlamat akhir Islam adalah untuk melahirkan *insanul-soleh* iaitu insan beriman kepada Allah swt dan membersihkan diri daripada sebarang unsur syirik, sebagai manusia yang melakukan amal soleh dengan pengertian yang luas mencakupi seluruh aktiviti kehidupan manusia bermanfaat untuk kesejahteraan di dunia dan akhirat, serta menjadi manusia yang memiliki akhlak mulia sebagai buah daripada iman sahih dan amal soleh.

## Rujukan

- [1] El-Muhammady, Abdul Halim. *Pendidikan Islam: falsafah, disiplin dan peranan pendidik*. Dewan Pustaka Islam, 1991.
- [2] Arifin, H. Muzayyin. *Ilmu pendidikan Islam: suatu tinjauan teoritis dan praktis berdasarkan pendekatan interdisipliner*. Bumi Aksara, 1996.
- [3] Buku Laporan Tahunan 2004. Penjara Wanita Kajang
- [4] Dakir, Jawiah. "Panduan Pengajian Islam Meniti Kegemilangan." (2008).
- [5] Dewan, Kamus. "Edisi keempat." *Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur* (2002).
- [6] Suhaizam. 2004. Buku Silibus Bimbingan Pendidikan Islam untuk Banduan. Kajang : Penjara Wanita Kajang.
- [7] Tajul Arifin Nordin. 2002. Konsep Asas Pendidikan Bersepadu. Kuala Lumpur : Nuri Enterprise.
- [8] al-Qaradawi, Yusuf. "Iman dan Kehidupan. terj." *Fachruddin hs shah Alam: dewan Pustaka Fajar* (2001).